

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Batu Pahat, Johor



Proforma Akademik

Sesi 2012/2013

Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam
Pusat Pengajian Diploma

Maklumat yang terkandung di dalam buku ini adalah benar pada masa ia dicetak dan Universiti berhak membuat apa-apa pindaan mengikut keperluan.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, cetakan, rakaman, visual atau cara lain mana-mana bahagian isi kandungan proforma ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

©Pusat Pembangunan Akademik
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Mei 2012

Kandungan

Aluan Naib Canselor	1
Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	2
Aluan Dekan Pusat pengajian Diploma	3
Visi	4
Misi	
Falsafah Pendidikan Universiti	
Logo Universiti	
Lembaga Pengarah Universiti	5
Pegawai Eksekutif	6
Ahli Senat	7
Pemeriksa Luar	9
Penasihat Industri	
Pusat Pengajian Diploma	10
Direktori Staf	11
Kurikulum Diploma	17
Sinopsis Kursus	18

Aluan Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kepada pelajar baharu Sesi Akademik 2012/2013 ini. Terima kasih juga di atas minat saudara/i meneruskan kesinambungan menimba ilmu demi kejayaan dan kesejahteraan hidup saudara/i. Saudara/i seharusnya bersyukur kerana bernasib baik berbanding sebahagian lagi rakan-rakan lain yang tidak dapat melanjutkan pengajian hingga ke institusi pengajian tinggi. Justeru itu, gunakanlah kesempatan yang terbaik ini untuk menanam tekad dan semangat meneruskan perjuangan menuntut ilmu demi kejayaan dan kesejahteraan diri, keluarga, agama, bangsa dan Negara.

UTHM berazam untuk menjadi salah satu pusat pengajian tinggi yang terkenal bukan setakat di dalam negara malah di peringkat antarabangsa. Dengan sistem akademik yang terancang dan disokong pula dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang maju dan terkini, UTHM berkemampuan melahirkan graduan yang cemerlang dan berpotensi mengisi keperluan tenaga kerja Negara.

Sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Negara ini, UTHM turut menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. UTHM merupakan pilihan terbaik untuk kursus-kursus sains, teknologi, dan kejuruteraan. Di samping itu, UTHM juga menawarkan kursus-kursus dalam bidang pengurusan teknologi, teknologi maklumat, dan pendidikan teknik dan vokasional. Program akademik UTHM memberi fokus kepada aspek *hands-on* yang berpusatkan pelajar untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dapat terus digunakan terutamanya dalam bidang industri Negara. Program ko-kurikulum yang berkualiti pula akan memberi peluang dan kesempatan untuk saudara/i membentuk sahsiah peribadi yang mulia dan berketerampilan.

Akhir sekali, saya menaruh kepercayaan bahawa saudara/i akan menjadi warga yang meneruskan tradisi kecemerlangan Universiti dalam menghasilkan graduan yang mampu mengaplikasi dan menterjemah ilmu kejuruteraan, sains dan teknologi selari dengan kehendak dan keperluan Negara.

Selamat Maju Jaya

Profesor Dato' Dr. Mohd Noh bin Dalimin
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada saudara/i sebagai pelajar baharu yang telah berjaya dipilih melanjutkan pelajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bagi sesi 2012/2013 ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Pusat Pembangunan Akademik yang telah berjaya menerbitkan proforma yang akan menjadi panduan kepada pelajar untuk membuat perancangan pembelajaran bermula dari semester pertama hingga tamat pengajian di Universiti ini.

Perancangan yang teliti dan dilaksanakan secara berkesan pada setiap semester serta persediaan awal pelajar sebelum menghadiri kuliah adalah amat penting untuk memastikan kesediaan memulakan proses pembelajaran. Di samping itu, persediaan untuk program ko-kurikulum juga adalah penting agar ilmu yang diterima dapat dimanfaatkan dan membantu dalam memartabatkan profesion saudara/i pada masa akan datang.

Saya berharap penerbitan proforma ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh saudara/i dalam merancang pembelajaran di Universiti ini dan mampu membuat keputusan yang terbaik untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya dan mendoakan agar saudara/i memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam pengajian di Universiti ini dan seterusnya dapat menyumbang ke arah penyediaan modal insan yang berjaya untuk pembangunan agama, bangsa dan Negara.

Sekian, terima kasih.

Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz bin Dato' Abdul Samad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Aluan Dekan Pusat Pengajian Diploma

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada saudara/i yang telah berjaya melangkah kaki ke menara gading dengan pilihan tepat ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu IPTA ke 15 yang ditubuhkan di Malaysia. Saya sekali lagi ingin mengucapkan selamat datang kepada saudara/i semua ke Pusat Pengajian Diploma (PPD) yang bersedia untuk membimbing dan melatih saudara/i supaya menjadi tenaga separa profesional khususnya dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan.

Sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang khusus mengendali dan menjalankan program Diploma di UTHM, PPD mempunyai visi dan misi yang jelas dalam membangun dan memperkasakan semua program Diploma yang ditawarkan. Sehingga kini sembilan (9) program Diploma sedang ditawarkan dan jumlah tersebut bakal bertambah di masa akan datang selaras dengan keperluan guna tenaga negara. Saya yakin saudara/i akan memilih program yang sesuai dengan kelayakan dan cita-cita saudara/i di masa hadapan. Tambahan pula tempoh pengajian bagi semua program yang telah dikurangkan kepada hanya 2½ tahun bakal membolehkan pelajar menyelesaikan pengajian mereka dalam tempoh yang lebih singkat.

Prasarana dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan di UTHM adalah diiktiraf memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu bagi tujuan akreditasi program pengajian. Di samping itu, kepesatan pembangunan kampus UTHM kini bakal menjamin keselesaan pelajar yang akan menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan termasuk perpustakaan, kolej-kolej kediaman, kafeteria, stadium sukan, jaringan internet tanpa wayar dan pelbagai kemudahan lain yang berkaitan.

Saya berharap saudara/i sebagai pelajar program Diploma UTHM akan menggunakan prospektus ini sebagai panduan dalam membuat perancangan pengajian dan seterusnya menyelesaikan pengajian Diploma saudara/i dengan cemerlang.

Selamat Maju Jaya

Profesor Hj. Ab Aziz bin Abdul Latiff
Dekan
Pusat Pengajian Diploma
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Visi

Berazam menerajui aplikasi sains dan teknologi untuk kemakmuran sejagat

Misi

Untuk melahirkan dan melatih ahli profesional dan teknologi yang bersahsiah mulia dan berdaya saing di arena global melalui program akademik holistik dan pembudayaan ilmu serta penyelidikan yang berteraskan konsep Tauhid.

Falsafah Pendidikan Universiti

Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran-melalui-pengalaman (experiential learning) untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan Negara yang mampan.

Logo Universiti

Logo Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah maruah, identiti, impian dan idealisma warga UTHM. Logo UTHM mengandungi Proton, Buku, Peringkat Pengajian (*Mortar Board*), Rehal dan Perisai.

Konsep keseluruhan logo ini melambangkan UTHM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang mendukung pengembangan ilmu di pelbagai peringkat dalam bidang Sains dan Teknologi.

Warna Biru melambangkan hubungan erat antara warga UTHM yang memastikan kejayaan dan kemantapan pelaksanaan program-program dan aktivitinya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan yang memacu sumbangannya ke arah kesejahteraan sejagat.

Warna Merah pula adalah konsep keberanian UTHM dalam meneroka bidang-bidang baharu sebagai peneraju aplikasi sains dan teknologi sekaligus menggambarkan kecekalan semangat dan jati diri warga UTHM.

Perlambangan

Merah	Berani
Biru	Kerjasama
Perak	Kualiti/Prestij
Rehal	Wadah ilmu
Proton	Sains dan teknologi
Buku	Ilmu
Mortar board	Peringkat pengajian
Bentuk bulat	Kemantapan dan berkaitan dengan ciri-ciri global
Perisai	Keyakinan

Lembaga Pengarah Universiti

Pengerusi

Tan Sri Dato' (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif
KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd.
MSc. (Geotechnical) (State Univ. of New York Buffalo, USA), BSc. (Hons.) (Civil Eng.)
(Univ. of Strathclyde Glasgow, UK), Dip. (Civil Eng.) (T.C.K.L.)

Ahli

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin

Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Ph.D, DIC (Solid State Physics) (Imperial College, Univ. of London), MSc. (Solid State) (Univ. of London), Sarjana Muda (Fizik) (Univ. Gadjah Mada, Indonesia)

Dato' Sri Sufri bin Hj Mohd Zin

Pengerusi Eksekutif / Pengarah Urusan Kumpulan
TRC Synergy Berhad
Bachelor of Jurisprudence (External) (UM), MBA in Construction Management (Hawey International University, US), Diploma in Business Studies (ITM)

Mejar Jeneral (B) Dato' Md. Ismail bin Ahmad Khan

Pengarah Urusan
TALHIS-K Sdn. Bhd.
Master in Defence Studies (Univ. New South Wales, Australia), Bachelor in Social Science (USM), Diploma in Management

Dato' Abd. Shukor bin Ibrahim

Pengarah Projek
Unit e-Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia
BEC. (Hons.) (UKM), Dip. (Public Admin.) (INTAN)

Dato' Ir. Hj. Wahab bin Suhaili

Pengerusi Eksekutif Kumpulan
Wahba Group Sdn. Bhd.
BSc. (Civil and Engineering Management) (Glasgow), PG. Dip. (Bridge Engineering) (Surrey)
Dip. Eng. (Civil) (UTM)

Profesor Dr. Shamsuddin bin Baharin

Pengarah
Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pengajian Tinggi
Ph.D Engineering (Warwick Univ., UK), M.A. Industrial Management & Technology (Central Michigan Univ., US), BSc. Manufacturing Engineering (Ferris State Univ., US), AASc. Applied Science Mechanical Engineering (Ferris State Univ., US), CMfgT.

Dr. Pang Chau Leong

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
Ph.D (Pendidikan Teknik dan Vokasional) (UTHM), Ph.D (Summacum Laude) (Univ. of Bremen, Germany), MSc. (Human Resource Development) (Univ. of Manchester, UK), BEng. (Civil) (Hons.) (UM), Dip. (Management) (Distinction) (Malaysian Institute of Management, KL)

Profesor Ir. Dr. Hj. Abas bin Abdul Wahab

Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ph.D (Aerodynamics) (Univ. of Salford), MSc. (Aerospace Eng.) (West Virginia Univ.), BSc.
(Hons.) (Mech. Eng.) (Univ. of Strathclyde), Dip. (Mech. Eng.) (ITM)

En. Jamalulail bin Abu Bakar

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Setiausaha

Tuan Haji Sulam bin Hamid

Pendaftar

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
M.B.A. (UKM), B.Ec. (Hons.) (UKM)

Ahli Senat

Pengerusi

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
Naib Canselor

Ahli

Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz bin Dato' Abdul Samad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Dr. Hashim bin Saim
Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat)

Profesor Dr. Ahmad Shakri bin Mat Seman
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd karim
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

Profesor Hj. Ayob bin Hj. Johari
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Madya Dr. Yusri bin Yusof
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Madya Sr. Dr. David Martin @ Daud Juanil
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan

Dr. Razali bin Hassan
Pemangku Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Dr. Rosziati binti Ibrahim
Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Azme bin Khamis
Dekan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

Profesor Ab. Aziz bin Abd. Latiff
Dekan Pusat Pengajian Diploma

Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba
Dekan Pusat Pembangunan Akademik

Profesor Madya Hj. Kamarudin bin Khalid
Pengarah Pusat Kokurikulum

Profesor Emeritus Dato' Dr. Hj. Ismail bin Hj. Bakar
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar

Profesor Dr. Mohammad Zarar bin Mohamed Jenu
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Hj. Mohd. Imran bin Hj. Ghazali
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Ir. Dr. Saparudin bin Ariffin
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Ir. Dr. Hj. Abas bin Ab Wahab
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Dr. Hj. Sulaiman bin Yamin
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Dr. Wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Dr. Hj. Mustafa bin Mat Deris
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Noraini binti Kaprawi
Pengarah Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti

Profesor Madya Dr. Abd Halid bin Abdullah
Pengarah Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Hartabina

Tn. Hj. Abu Bakar bin Hussain
Bendahari

En. Bharun Narosid bin Mat Zin
Ketua Pustakawan

Tn. Hj. Sulam bin Hamid
Pendaftar / Setiausaha

Pemeriksa Luar Fakulti dan Penasihat Industri Fakulti

Jabatan Kejuruteraan Awam

Pemeriksa Luar Fakulti

Prof Madya Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar

Ph.D (Leeds University, UK), MSc. (Concrete Design and Const.) (Leeds University, UK), BEng. (Hons) (Civil Engineering) (UTM), Dip. (Civil Engineering) (UTM), Cert. (Civil Construction) (PUO).

Penasihat Industri Fakulti

Dato' Ir Dr. Mohd Akbar Bin Hj. Johari

Ph.D (Environmental Engineering) (Univ.of Rhode Island, USA), MSc. (Water Resources and Environmental Engineering) (State University of New York @ Buffalo, USA), BSc. (Civil Engineering) (University of Glasgow, UK), Dip.(Civil Engineering) (UTM)

En Mohamad Yazid Mohd Yunus

BSc. (Civil Engineering) (Seoul National University), Dip. (Civil Engineering) (UTM), Dip. (Management) (MIM)

Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Pemeriksa Luar Fakulti

Prof. Ir. Dr. Mohamed Amin Alias

Ph.D (Univ of Wales, Swansea, UK), MSEE (Electronic) (Syracuse University, NY), BSc. (Electronic Communication Eng.) (University of Salford,UK), Dip. (Telecommunication Engineering) (Maktab Teknik KL)

Penasihat Industri Fakulti

Ir Mohd. Zaki bin Saleh

Project Manager
Persada Electrical & Engineering Works Sdn. Bhd.
BEng. (Electrical & Electronic Engineering) (University of Iwate, Japan)
Professional Engineer (Board of Engineer Malaysia BEM), 33kV Competent Engineer (Suruhanjaya Tenaga (ST))

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Pemeriksa Luar Fakulti

Prof. Dr. Md. Radzai bin Said

Professor in Stress Analysis, Static and Dynamic Loading and Cellular Solid
Faculty of Mechanical Engineering
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)

Penasihat Industri Fakulti

En. Zainuddin Md. Zain

Training and Development Manager
Asian Composite Manufacturing Sdn. Bhd.

Jabatan Teknologi Maklumat

Pemeriksa Luar Fakulti

Assoc. Prof. Dr. Hj Mazani bin Hj Manaf

Ph.D (Pattern Recognition and Machine Int) (UKM), MSc. (Computer Science) (University of Glasgow, UK), BSc. with Honour (Mathematics and Physics) (UTM)

Penasihat Industri Fakulti

En. Walid bin Suradi

Consultant


Aled Technologies Sdn. Bhd.

Pusat Pengajian Diploma

Program diploma telah mula ditawarkan di UTHM sejak penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP) pada tahun 1994. Pada masa itu hanya tiga program diploma ditawarkan dan diuruskan oleh beberapa jabatan berkenaan. Kesemua program tersebut kemudiannya telah dipindahkan di bawah pengurusan beberapa fakulti apabila Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) ditubuhkan pada tahun 2001.

Pengwujudan Pusat Pengajian Diploma (PPD) telah diumumkan oleh Naib Canselor pada 1hb Ogos 2009. Melalui penubuhan PPD, semua program diploma dapat diuruskan secara berpusat disamping berusaha untuk meningkatkan daya saing di kalangan semua program diploma yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini. Adalah menjadi hasrat utama PPD untuk melonjakkan program diploma yang ditawarkan di UTHM ke satu tahap yang tinggi dan menjadi pilihan utama calon memasuki institusi pengajian tinggi. UTHM mengalu-alukan calon pelajar yang berpotensi untuk memohon bagi mengikuti Program Pengajian Diploma yang ditawarkan. Semua program di Pusat Pengajian Diploma, UTHM telah dilaksanakan berdasarkan kepada kaedah Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome Based Education) mulai sesi pengajian Julai 2010. Program Diploma terbaik yang ditawarkan ini akan memberikan peluang dan kelebihan kepada graduan diploma untuk melanjutkan pengajian mereka di UTHM. Program Pengajian Diploma ini juga dibentuk supaya tercapai keseimbangan di antara kecemerlangan akademik, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah bagi membentuk keterampilan diri berkualiti seterusnya berpotensi memenuhi kehendak pasaran kerja global. Sehingga kini, Pusat Pengajian Diploma menawarkan sembilan (9) program yang dikendalikan oleh Jabatan-Jabatan berkaitan.

Pusat ini terdiri daripada lima (5) jabatan yang diketuai oleh seorang Dekan dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Dekan. Carta organisasi PPD adalah seperti rajah di bawah:



Carta Organisasi Pusat Pengajian Diploma

Direktori Staf Pusat Pengajian Diploma

Pentadbiran

Dekan

Prof. Hj. Ab. Aziz bin Abdul Latiff

MEng. (Environmental) (UTM), PGCert. (High-Rise Building) (Chisholm Inst. of Technology, Melbourne), PGCE. (MPPPP), BSc. (Civil Eng.) (Salford Univ., UK)

Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan)

Hj. Mohd Azlan bin Abdul Shukor

MSc. (Electrical Power Engineering) (Univ. of Strathclyde, UK), PGCE (TTTC), BSc. (Electrical and Electronic Engineering) (Univ. College Cardiff, UK)

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan)

Prof. Madya Siti Fauzeyah binti Syed Salim

MEd. (TESL) (UM), BA (Hons) (English) (USM), Sijil Perguruan (Pengajian Inggeris dan Ilmu Alam)

Setiausaha Pejabat

Badariah binti Abdul Kadir

Dip. (Kesetiausahaan Eksekutif) (UiTM)

Penolong Pendaftar

Eaddy bin Zainal Abidin

Sarjana Muda (Sains Perhutanan) (UPM)

Penolong Pegawai Tadbir (Akademik & Penyelidikan)

Mohd Zukhairi bin Husin

Dip. (Sains Komputer) (UiTM)

Penolong Pegawai Tadbir (Pentadbiran & Kewangan)

Abd Wahab bin Ab. Rahim

Dip. (Pengurusan Teknologi) (UTM)

Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Hal Ehwal Pelajar & Pembangunan

Jaiganesh a/l Jaganathan

SPM (SMK Dato Bentara Luar), Sarjana Muda (Pengurusan) (OUM)

Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Pentadbiran & Kewangan

Annuar bin Ismail

STPM (SM Tun Sardon Rengit)

Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Bahagian Perkhidmatan

Siti Hawa binti Ismail

STPM (SMK Bandar Mas)

Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Akademik & Penyelidikan

Nor Nizaha binti Mahadi

SPM (SM Tun Sardon Rengit)

Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Akademik & Penyelidikan

Mohd Afizal bin Abd. Aziz

SPM (SMK Syed Abu Bakar), Dip. (Teknologi Pembuatan) (ADTEC)

Pembantu Am Pejabat

Dayang Fatimah binti Pohhaini

SPM (SMK Datin Onn Jaffar), STPM (SM Munsyi Sulaiman)

Jabatan Kejuruteraan Awam

Staf Akademik

Ketua Jabatan

Hj. Amir Khan bin Suwandi

MSc. (Civil Engineering) (UTM), BSc. (Hons) (Civil Engineering) (Portland State Univ. USA),
Dip. Ed. (Civil Engineering Studies) (UTM)

Prof. Madya Hj. Ismail bin Yusof

MSc. (Traffic Engineering), (Univ. Birmingham, UK), BSc. (Hons) (Civil Engineering),
(Heriot Watt Univ., UK), Dip. Ed. (UKM)

Hj. Roslan bin Kolop

MSc. (Civil Engineering) (UTM), BSc (Hons) (Civil Engineering) (Leeds Univ., UK), Dip. Ed.
(UKM)

Hj. Adanan bin Othman

MEng. (Civil Engineering) (UTM), BTech. Ed. (Civil Engineering) (UTM)

En. Masiri bin Kaamin

MSc. (Land Survey-GIS) (UTM), BSc. (Land Survey) (UTM)

En. Jahaya bin Kesot

MSc. (Civil Engineering) (UTHM), BSc. (Civil Engineering) (Univ. of Miami, USA)

En. Kumareson a/l Rasiah

MEng. (Construction and Management) (UTM), BEng. (Hons) (Civil Engineering) (UTM),
Dip. (Civil Engineering) (UTM)

Pn. Aslila bte Abd Kadir

MSc. (Construction Management) (UTM), BSc. (Hons) (Housing, Building & Planning)
(USM), Cert. (Quantity Survey) (POLIMAS)

Pn. Nor Baizura binti Hamid

BSc. (Hons) (Civil Engineering) (UTHM)

Hj. Shahabudin bin Mustapha

MSc. (Water Resources Technology) (Birmingham Univ. UK), BSc. (Civil Engineering) (State
Univ. of New York, USA)

Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Staf Akademik

Ketua Jabatan

Tn. Hj. Zulkarnain bin Md. Amin

BSc. (Electrical Engineering) (University of Bridgeport, Connecticut, USA), A.Sc. (Electrical Engineering) (DCC, SUNY, New York, USA), PGCE (TTTC), Cert. (Microprocessor System Design) (JICA, Sendai, Japan), Cert. (Computer Networking) (SIEMEN, Mannheim, Germany), Cert. (Supervisory Management) (SEAMEO VOCTECH, Brunei)

Tn. Hj. Mohd. Azlan bin Abdul Shukor

MSc. (Electrical Power Engineering) (Univ. Strathclyde, Scotland, UK), B. Sc. (Electrical and Electronic Engineering) (University College Cardiff, Wales, UK), PGCE (TTTC)

Prof. Madya Awtar Singh a/l Karnail Singh

MSc. (Electronics) (Univ. Nottingham, England, UK), BSc. (Hons) (Electrical & Electronic Eng.) (Portsmouth Polytechnic, England, UK), Cert. (Electrical Engineering, Power) (PUO), Cert. (Telecommunication Technician's Part Two) (City and Guilds of London Institute)

Pn. Cheng Leong Yeok

MEng. (Electrical) (UTM), BEng. (Electrical Engineering) (UTM), Dip. (Electrical Eng., Communication)(UTM)

En. Reza Ezuan bin Samin

MEng. (Electrical Engineering, Mechatronic) (UTHM), BEng. (Hons) (Electronics) (USM)

Pn. Zainab binti Zainal

MSc. (Electronic System Design) (Manchester Metropolitan Univ., Manchester, UK), BEng. (Electrical and Electronics Engineering) (Univ. Manchester (UMIST), Manchester, UK), Dip. (Electronic Engineering) (UTM)

Hjh. Fauziah binti Abdullah

BSc. (Industrial Technology) (University of Wisconsin, USA), Dip. (Electrical Engineering, Communication) (UTM), Cert. (Electronic Engineering, Communication) (PUO)

En. Zaurin bin Ali

BEng. (Hons) (Electrical Engineering) (UTM), Cert. (Education) (Maktab Perguruan Kinta, Ipoh, Perak), Cert. (Basic Electrician) (Domestic and Industry) (MLVK), Cert. (Intermediate Electrician) (Domestic & Industry) (MLVK), Cert.(Internal Evaluator) (MLVK)

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Staf Akademik

Ketua Jabatan

En. Rosdi bin Ab. Rahman (Ketua Jabatan)

MEng. (Mechanical) (UTM), BEng. (Hons) (Agric.) (Power & Machinery) (UPM), Cert. (Oil Hydraulic & Mechatronic) (Kyushu Int. Centre)

Prof. Madya Hj. Mohd Ashraf bin Othman

MSc. (Metallurgy) (UMIST, UK), BSc. (Mechanical Eng.) (Univ. of Leeds, UK), Dip. Ed. (UM)

En. Md Zin bin Ibrahim

MEng. (Mechanical) (UTM), BTech. with Ed. (Mechanical Engineering) (UTM), Dip. Eng. (Mechanical Eng.) (UTM), Cert. (Pneumatic Industrial) (Centernail College, Scarborough, Toronto, Canada)

Pn. Noor Azizah binti Sidek

MEng. (Mechanical) (UTHM), BEng. (Mechanical) (UTHM), Dip. Tech. (Mechanical) (KUiTTTHO)

En. Suhairi bin Ismail

BEng. (Mechanical Eng.) (UTM), Dip. Eng. (Mechanical Eng.) (UTM)

En. Muhammad Qusyairi bin Abdul Rahman

BEng. Manufacturing (Process) (UNIMAP)

En. Khairulnizam bin Othman

MSc. (Mechatronics) (UniMAP), BEng. (Hons) (Mechatronics) (UniMAP)

En. Syamsul Azrin bin Kamaruddin

BEng. (Mechatronic) (UTeM), Dip. Eng. (Mechatronic) (POLIMAS)

En. Mahmud Abd Hakim bin Mohamad

MSc. (Aerospace) (UPM), BEng. (Hons) (Mechanical) (KUiTTTHO), Dip. Eng. (Mechanical) (PPD), Cert. Eng. (Mechanical) (PUO)

En. Mohd Hadri bin Mohamed Nor

BEng. (Hons) (Mechanical) (UiTM), Dip. Tech. (Mechatronics) (JMTi), Malaysian Skills Diploma in Mechatronics Technology (H-175-4)(MLVK), Dip. Exe. (Occupational Safety and Health) (INSEP UTHM), Professional Cert. (Safety and Health) (NIOSH)

En. Mohd.Najib bin Janon

BEng. (Mechanical-Industrial) (UTM), Dip. Eng. (Mechanical) (UTM)

Jabatan Sains dan Matematik

Staf Akademik

Ketua Jabatan

Hj. Zulkifli bin Senin

MEd. (Education Technology) (UTM), BSc. & Ed. (Chemistry) (UTM), Dip. Sc & Ed. (Chemistry) (UTM)

Hj. Suhaimi bin Makminin

MSc. (Chemistry Education) (UTM), BSc. (Chemistry) (UKM), Dip. Ed. (Chemistry) (UKM)

Hjh. Saffiah binti Abdullah Khir

MSc. (Chemistry) (UTM), BSc. (Food Science) (Leeds University, UK)

Hjh. Nafisah @ Kamariah binti Hj. Md Kamaruddin

MSc. (Algebra & Statistics) (Ohio University, USA), BSc. (Mathematics) (Univ. Bridgeport, USA)

Pn. Aida binti Muhamad

MEng. (Civil Engineering) (UTHM), BSc. (Hons) (Chemistry) (UKM)

Pn. Siti Fatimah binti Mohd Noor

MSc. (Molecular Biology) (UKM), BSc. (Hons) (Genetics) (RIHS)

Pn. Noraihan binti Salleh Hudin

MSc. (Physics) (UTM), BSc. (Industrial Physics) (UTM)

Dr. Beh Hoe Guan

Ph.D (Advanced Material) (UPM), MSc. (Physics) (UPM), BSc. (Hons) (Physics) (UPM)

Pn. Masrianis binti Ahmad

MSc. (Magnetic Material and Superconductors) (UPM), BSc. (Material Science) (UPM)

Pn. Rozainita binti Rosley

MSc. (Chemical Syntesis) (UPM), BSc. (Hons) (Petroleum Chemistry) (UPM)

Pn. Norliza binti Ghazali

MBA (Strategic Management) (UTM), BSc. (Economy) (USM)

Jabatan Teknologi Maklumat

Staf Akademik

Ketua Jabatan

Prof. Madya Miswan bin Surip

MSc. (Computer Science) (Salford Manchester, UK), BSc. (Computer Science) (UPM)

Hj. Hannes bin Masandig

MSc. (Information Technology) (UiTM), Adv. Dip. (Mechanical Engineering) (UiTM), Dip. (Mechanical Engineering) (UTM)

Pn. Rafizah binti Mohd Hanifa

MSc. (Information Technology) (UUM), BSc. (Computer Science) (USM)

Pn. Nordiana binti Kasim @ Kassim

MSc. (Mechanical Engineering) (UTHM), BSc. (Information Studies) (UiTM), Dip. (Computer Information System) (MCC)

En. Syarizul Amri bin Mohd Dzulkifli

MSc. (Management Information System) (UTM), BSc. (Computer Science) (UTM)

Pn. Mariam binti Abdul Hamid

MSc. (Management Information System) (UiTM), BSc. (Information Technology) (UiTM)

Pn. Norazlin binti Hashim

MSc. (Information Management) (UiTM), BSc. (Information Management) (UiTM)

Pn. Zuraida binti Ibrahim

MSc. (Visual Communication & New Media) (UiTM), BSc. (Multimedia) (UKM)

Pn. Ida Aryanie binti Baharudin

BSc. (Electrical Engineering) (UTHM)

Kurikulum

Kurikulum Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam

Jadual 2. Ringkasan Kurikulum Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam (DAB)

Tahun	Semester	Kod Kursus	Kursus	Kredit	Jumlah
1	I	UQ* 1***1	Ko-Kurikulum I	1	18
		UWA 10402/202	Pengantar Pengajian Islam/ Pengajian Moral	2	
		UWB 10102	Academic English	2	
		UWS 10403	Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia	3	
		DAS 11003	Matematik Teknikal I	3	
		DAS 12603	Sains Teknikal I	3	
		DAY 10102	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	2	
	DAB 10202	Bahan Kejuruteraan Awam	2		
	II	UQ* 1***1	Ko-Kurikulum II	1	18
UWA 10502		Akidah Ketuhanan dan Sains	2		
UWB 1**02		Bahasa Asing	2		
UWB 10402		Technical Communication I	2		
DAS 11103		Matematik Teknikal II	3		
DAS 12703		Sains Teknikal II	3		
DAB 10403		Teknologi Kejuruteraan Geomatik	3		
DAB 10602	Teknologi Jalanraya & Trafik	2			
III	DAB 30102	Teknologi Alam Sekitar	2	7	
	DAB 10303	Statik dan Dinamik	3		
	DAB 20602	Kontrak & Taksiran	2		
2	I	UWB 20502	Technical Communication II	2	18
		DAS 21203	Matematik Teknikal III	3	
		DAB 20103	Mekanik Bendalir & Hidraulik	3	
		DAB 30702	Penyeliaan Tapak	2	
		DAB 20402	Teknologi Geoteknik	2	
		DAB 10103	Lukisan Kejuruteraan & CAD	3	
		DAB 10503	Mekanik Bahan	3	
	II	DAB 20809	Latihan Industri	9	9
	III	DAB 20202	Analisis Struktur	2	7
DAB 20902		Projek Teknologi Kejuruteraan Awam I	2		
DAB 30403	Hidrologi & Sumber Air	3			
3	I	DPK 20103	Perniagaan dan Keusahawanan	3	18
		DAB 21002	Teknologi Saliran Mesra alam	2	
		DAB 30303	Projek Teknologi Kejuruteraan Awam II	3	
		DAB 20403	Teknologi Pembinaan	3	
		DAB 30503	Amalan Teknologi Rekabentuk Struktur	3	
		DAB 30602	Amalan Teknologi Jalanraya	2	
		DAB 20702	Amalan Teknologi Sub Struktur dan Cerun	2	
Jumlah Kredit Keseluruhan					95

UQ* 1*1 Ko-Kurikulum I**

Sinopsis

Kursus ini ditawarkan dalam pelbagai bentuk aktiviti pilihan untuk pelajar peringkat Sarjana Muda dan Diploma. Lapan bidang aktiviti yang ditawarkan adalah Pengucapan Awam, Keusahawanan, Sukan, Khidmat Komuniti, Kesukarelawanan, Kepimpinan, Kebudayaan dan Daya Usaha dan Inovasi.

UWA 10402 Pengantar Pengajian Islam

Sinopsis

Kursus ini menerangkan tentang konsep Islam sebagai al-Deen. Skop perbincangannya meliputi pengajian al-Quran dan al-Hadith; Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah; prinsip muamalat; Undang-undang Jenayah Islam; isu-isu dalam Undang-undang kekeluargaan Islam serta isu-isu semasa.

Rujukan

- i. Harun Din (Dr.) (2001), *Manusia Dan Islam*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (BP174. M36 1990)
- ii. Ismail Haji Ali, (1995), *Pengertian dan Pegangan Iktikad yang benar: Ahli Sunnah Wal Jamaah*: Kuala Lumpur: Penerbitan al-Hidayah. (BP166.78. P46 1995)
- iii. Mustafa Abdul Rahman (1998), *Hadith 40*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. (BP135. A2 M87 1998)
- iv. Mustafa Haji Daud (1989), *Institusi Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa. (BP188.3. F3.M87 1989)
- v. Paizah Haji Ismail (1991), *Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, Angkatan Belia Islam Malaysia. (BP144. P35 1991)

UWA10502 Pengajian Moral

Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep moral, aspek-aspek moral dan kepentingannya dalam kehidupan seharian; teori moral Barat serta nilai-nilai murni agama besar di dunia, moral dalam pekerjaan dan akhirnya isu-isu moral yang berlaku masakini.

Rujukan

- i. Ahmad Khamis. (1999). *Etika Untuk Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman. (LC 315 .M3 .A35 1999)
- ii. Eow Boon Hin. (2002). *Moral Education*. Longman. (LC 268 .E48 2008)
- iii. Hussain Othman, S.M. Dawilah Al-Edrus, Berhannudin M. Salleh, Abdullah Sulaiman, (2009). *PBL Untuk Pembangunan Komuniti Lestari*, Batu Pahat, Penerbit UTHM. (LB 1027.42 P76 2009a)
- iv. Hussain Othman. (2009). *Wacana Asasi Agama dan Sains*, B. Pahat. Penerbit UTHM. (BL 240.3 H87 2009a)
- v. Mohd Nasir Omar (1986). *Falsafah Akhlak*. Bangi. Penerbit UKM. (BJ 1291 .M524 2010)

UWB10102 Academic English

Sinopsis

Academic English focuses on fulfilling students' academic requirements such as the acquisition of reading, writing, speaking and listening skills in English. The course also provides opportunities for students to acquire note taking and study skills. Students will be reinforced on aspects of English language oral and written skills that are most relevant to them in their academic work. By the end of the course, students should be able to use English for wide range of academic activities.

Rujukan

- i. Koh, Soo Ling (2005). MUET Moments: Malaysia University English Test. Petaling Jaya: Pearson. No. panggilan: PE1128.K63 2005.
- ii. Swan, Michael & Walter, Catherine (2004). How English Works: A Grammar Practice Book. Oxford: Oxford University Press. No. panggilan: PE1128.S92 2004.
- iii. Richards, Cynthia (2002). Panduan dan Praktis MUET: Malaysian University English Test. Petaling Jaya: Longman. No. panggilan: PE1128.P26 2002.
- iv. Majlis Peperiksaan Malaysia (2002). Koleksi Kertas Soalan MUET (800) December 2001. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. No. panggilan: PE1128.K643 2002.
- v. Pfeiffer, William S. (2000). Technical Writing: A Practical Approach. New Jersey: Prentice-Hall. No. panggilan: PE1475.P47 2000.

UWS 10403 Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia

Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep asas, proses pembentukan dan pembangunan negara. Topik-topik yang akan dibincangkan ialah perjuangan menentang penjajahan, kemerdekaan dan penubuhan Malaysia sebagai negara Persekutuan. Selain itu, turut disentuh ialah elemen Rukun Negara dan dasar-dasar pembangunan negara yang berkaitan dengan ekonomi, politik dan sosial seperti Wawasan 2020 serta sumbangan negarawan dalam memantapkan lagi kelangsungan kejayaan Malaysia.

Rujukan

- i. Ahmad Esa, Harliana Halim, Khairul Azman Mohd Suhaimy, Ku Hasnan Ku Halim, Marwan Ismail, Mohd Akbal Abdullah, Shamsaadal Sholeh Saad dan Zahrul Akmal Damin (2004). "Ikhtisar Sejarah Kenegaraan & Pembangunan Malaysia." Johor Bahru : Muapakat Jaya Percetakan Sdn. Bhd. DS596 .I33 2003
- ii. Fauziah Ani, Harliana Halim, Khairul Azman Mohd. Suhaimy, Khairunesa Isa, Ku Hasnan Ku Halim, Lutfan Jaes, Mohd. Akbal Abdullah, Shamsaadal Sholeh Saad, Siti Sarawati Johar, Zahrul Akmal Damin (2009). "Kenegaraan & Pembangunan Malaysia". Batu Pahat : Penerbit UTHM. (**Modul Kenegaraan dan Pembangunan Mutakhir Malaysia**)
- iii. Nazaruddin Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Mohd Rashid (2005). "Pengajian Malaysia." Petaling Jaya : Prentice Hall. DS596.6 .P46 2001 N2
- iv. Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2003). "Perlembagaan Persekutuan: (hingga 15hb.Ogos 2003)." Petaling Jaya : International Law Book Services. KPG1744.51963.A3 .A4 2003
- v. Ruslan Zainudin, Mohd Mahadee Ismail dan Zaini Othman (2005). "Kenegaraan Malaysia." Shah Alam : Fajar Bakti. JQ715 .R87 2005
- vi. Ting Chew Peh (1980). "Konsep Asas Sosiologi." Kuala Lumpur : Dewam Bahasa dan Pustaka. HM51 .T56 1985

DAS 12603 Sains Teknikal I

Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pengetahuan fizik dan kimia yang diperlukan dalam bidang teknologi kejuruteraan. Tajuk yang akan dibincangkan adalah Konsep Atomdan Mol: Jirim dan keadaan jirim (unsur, sebatian tulen, campuran). Definisi dan penamaan atom, molekul dan ion. Jisim atom, jisim molekul dan jisim molar. Jadual Perkalaan Unsur: Pengkelasan dan sifat kala. Ikatan Kimia: Struktur Lewis. Ikatan ion dan kovalen. Daya Intermolekul. Unit dan Pengukuran: Vektor: Haba dan Suhu: Fluid: Amali Sains Teknikal: Amali dalam tajuk-tajuk terpilih.

Rujukan

- i. Raymond Chang. 2007. Chemistry 9th. Edition. McGraw-Hill. QD31.3 .C42 2007.
- ii. John McMurry dan Robert C. Fay. 2008. Chemistry 5th. Edition. Pearson. QD33 .M68 2008
- iii. Martin S. Silberberg. 2006. Chemistry: The Molecular Nature of Matter and Change, 4th Edition. WCB McGraw Hill. QD33.2 .S54 2006.
- iv. Giambatista, A., Richardson, B., Richardson, R. 2007. College Physics, McGraw Hill, United States. QC21.3 .G52 2007
- v. Halliday, D., Resnick, R. Walker, J. 2008. Fundamental of Physics, John Wiley & Sons. QC21.3 .H35 2008

DAS 11003 Matematik Teknikal I

Sinopsis

Nombor Nyata: Set bagi nombor nyata. Eksponen, logaritma dan radikal. Polinomial: Persamaan kuadratik. Ketaksamaan dan nilai mutlak. Pecahan separa. Kaedah Berangka bagi penyelesaian persamaan tak linear: kaedah "bisection" dan kaedah sekan. Jujukan dan Siri: Jujukan. Siri Aritmetik, siri geometri dan pengembangan binomial. Trigonometri: Nisbah trigonometri sebarang sudut dan persamaan trigonometri. Matriks: Operasi aritmetik. Operasi Baris. Sistem persamaan linear: matriks songsang, penghapusan Gauss-Jordan dan penyelesaian secara numerikal: kaedah Gauss-Seidel.

Rujukan :

- i. Nafisah@Kamariah Md. Kamaruddin et. al. (2010). Algebra (DAS10103). Centre for Science Studies, UTHM Publisher.
- ii. Abd. Wahid Md Raji et al. (2000). Matematik Asas, Jilid I&II. Jabatan Matematik, Fakulti Sains, UTM.
- iii. James, S. (2002). Precalculus mathematics for calculus. Belmont, CA : Brooks/Cole. QA39.3 .S73 2002
- iv. Howard Anton. (1994) Elementary Linear Algebra. New York. Wiley. QA184 .A57 1994
- v. Glyn James. (2001). Modern Engineering Mathematics. England. Prentice Hall. TA330 .J352 2001

DAY 10102 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sinopsis

This course introduces students to knowledge and skills in occupational safety and health in workplace. Scope of study includes Health, Safety and Environment Managements: introduction to OSH, OSHA 1994 (Act 514), FMA 1967, EQA 1974, occupational safety and health management system, safety, health and environment culture; Risk Management and Assessment: introduction to risk management, risk assessment techniques, HIRARC; Physical Injury & Controls: introduction to physical injury, construction work, electrical work, mechanical work, chemical work; Health Hazards: introduction to health hazards & hygiene, chemical hazards, physical hazards, biological hazards, hygiene; Accident Investigation & Reporting: introduction, accident investigation, investigations and causes of incident, incident analysis and data collection method.

Rujukan

- i. Occupational Safety and Health Act and Regulations. MDC Publishers Printer Sdn. Bhd. 2001. Call number: KPG1390.M34 2001 rw N2.
- ii. Factories and Machinery Act & Regulations. MDC Publishers Printer Sdn. Bhd. 2001. Call number: KPG1390.A31967 .A4 2001 rw N1.
- iii. Ismail Bahari (2006). Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Edisi ke-2.. McGraw Hill Education (Malaysia). Call number: T55.I85 2006.

- iv. Davies, V. J. and Tomasin K. (2006). Construction Safety Handbook. 2nd ed. London: Thomas Telford. Call number: TH443.R43 2006.
- v. Anton, Thomas J. (2009). Occupational Safety and Health Management. 3rd ed. New York: McGraw-Hill. Call number: T55.A57 1989.

DAB 10202 Bahan Kejuruteraan Awam

Sinopsis

Untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar tentang jenis bahan-bahan binaan dan kegunaannya di dalam bidang kejuruteraan awam. Topik ini merangkumi topik Simen, Batu Baur, Konkrit, Bata dan Kerja Bata, Kayu, Keluli, Lain-lain Bahan Pembinaan dan Projek.

Rujukan

- i. T W Marotta, Basic Construction Materials Seventh Edition, Prentice Hall, 2005, No. Panggilan: TA403.M37 2005,
